



Perbincangan Meja Bulat SUHAKAM mengenai Hak Kepada Udara yang Bersih Menangani Pencemaran Jerebu di Malaysia

KUALA LUMPUR (11 MAC 2022) - Kesan pencemaran jerebu berpanjangan yang dialami sejak dua dekad lalu telah mencetuskan kebimbangan yang serius berhadapan dengan fenomena buruk yang memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat dan ekonomi Malaysia.

Oleh itu, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), dengan kerjasama Gabungan Bertindak Anti Jerebu (CERAH), menganjurkan Perbincangan Meja Bulat (RTD) untuk mengumpulkan pelbagai perspektif daripada pakar, pengamal undang-undang dan pihak berkepentingan bagi membangunkan perancangan yang konkrit untuk menangani isu pencemaran jerebu domestik dan rentas sempadan.

Perbincangan ini memberi tumpuan kepada punca pencemaran jerebu akibat daripada pertanian, pengubahan penggunaan tanah, tanah gambut dan kebimbangan meteorologi serta kesannya terhadap aspek ekonomi, kesihatan dan alam sekitar. Semua perkara ini menjadi asas kepada kajian mendalam tentang jurang sedia yang ada dalam rangka kerja Malaysia dan serantau yang mengakibatkan kekurangan akses kepada keadilan dan maklumat, penyertaan awam dan tadbir urus. Perbincangan ini juga mempromosi perlindungan hak asasi manusia terhadap persekitaran yang selamat, bersih, sihat dan bebas pencemaran udara melalui perbincangan yang meluas tentang idea penyelesaian.

Dato' Mah Weng Kwai, Pesuruhjaya SUHAKAM berkata:

“Dengan kesan jerebu rentas sempadan yang sedia ada, ditambah pula risiko dan bahaya perubahan iklim, sekarang adalah masa untuk menangani isu jerebu dan ia tidak boleh dilengahkan lagi. Usaha bersepadu daripada semua pihak berkepentingan adalah mustahak terutamanya antara Kerajaan dan bukan Kerajaan. Semua harus bekerjasama menyelesaikan masalah ini.”

Azira Aziz, Jurucakap Gabungan Berindak Anti Jerebu CERAH berkata:

“Pencemaran jerebu yang berpunca daripada perbuatan manusia adalah akibat daripada pengubahan penggunaan tanah dan saliran tanah gambut secara sembarangan. Kajian telah menunjukkan bahawa zarah halus PM2.5 yang sebahagian besarnya ditemui dalam jerebu, boleh meningkatkan kadar kematian dengan pendedahan dalam jangka masa yang panjang. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan bahawa pencemaran udara boleh menyebabkan 7 juta kematian pramatang di seluruh dunia pada setiap tahun. Kita mempunyai hak kepada udara yang bersih dan bebas jerebu; kita perlu bertindak SEKARANG untuk menghentikan kesan negatif jerebu, bukan hanya untuk kesihatan dan ekonomi, tetapi juga terhadap perubahan iklim.”



Faizal Parish, Pengarah Global Environment Centre (GEC) berkata:

"Kebanyakan kes jerebu dalam negara dan rentas sempadan berpunca daripada kebakaran tanah gambut. Pembakaran tanah gambut semakin meningkat di Malaysia. Undang-undang dan peraturan sedia ada harus segera dikaji semula agar pihak pengurusan tanah melindungi tanah gambut dengan lebih baik, mengawal sistem saliran dan mengambil langkah untuk mencegah kebakaran. Kita telah jauh ketinggalan berbanding negara jiran seperti Indonesia yang mempunyai peraturan ketat sejak 5 tahun lalu dan semakin menunjukkan kemajuan."

Shamila Ariffin, Sahabat Alam Malaysia (SAM) berkata:

"Punca krisis jerebu rentas sempadan harus ditangani dengan membezakan punca semula jadi seperti fenomena El Nino yang diakibatkan oleh aktiviti manusia itu sendiri. Aktiviti pembangunan dan perluasan ladang monokultur tanah gambut tidak seharusnya dibenarkan. Dengan memberi tumpuan kepada penguatkuasaan dan peraturan dasar pencegahan yang betul, termasuk yang berkaitan dengan perlindungan hutan dan tanah serta pengurusan kewangan yang mampan, punca utama krisis ini pasti dapat diselesaikan dengan lebih berkesan."

Heng Kiah Chun, Greenpeace Malaysia berkata:

"Kita harus memikirkan tentang bahaya pencemaran udara ketika kita masih bergelut dengan pandemik Covid-19 serta kemerosotan ekonomi yang diakibatkan olehnya. Oleh itu, kerajaan harus meningkatkan tadbir urus berkenaan kualiti udara, mengukuhkan pengiktirafan hak alam sekitar bahawa alam sekitar yang bersih, sihat dan mampan adalah hak asasi manusia seperti ditekankan oleh Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu baru-baru ini."

Perbincangan ini adalah hasil daripada aduan yang difailkan ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada 7 Disember 2021, oleh pelbagai pertubuhan masyarakat sivil termasuk Greenpeace Malaysia dan CERAH, sebagai satu langkah proaktif untuk menangani masalah pencemaran jerebu yang kronik dan tiada penghujungnya.

Perbincangan ini memberi tumpuan kepada hasil dapatan dan cadangan seperti berikut:

- Memperkukuh pengiktirafan hak alam sekitar di Malaysia
- Memperkukuh tadbir urus kualiti udara Malaysia
- Memperkukuh tadbir urus pencemaran jerebu rentas sempadan
- Memperkukuh Hak Asasi Manusia dan Perniagaan di Malaysia

Adalah diharapkan hasil perbincangan ini akan dapat mengatasi kekurangan dan cabaran dalam merealisasikan hak perlembagaan seseorang untuk memiliki persekitaran yang bersih dan selamat.

-TAMAT-



Siaran akhbar ini disediakan dan disahkan oleh SUHAKAM dan ahli-ahli Gabungan Bertindak Anti Jerebu yang terdiri daripada:

CERAH - Anti Haze Action
Greenpeace Malaysia
Sahabat Alam Malaysia (SAM)
Global Environment Centre (GEC)
Klima Action Malaysia (KAMY)
Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA Malaysia)
Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)
Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS Malaysia)
Environmental Protection Society Malaysia (EPSM)
Jaringan Ekologi Dan Iklim (JEDI)
Persatuan Pengundi Muda (Undi 18 - MyHutan)
Stop Open Burning in Johan Setia

Kontak media:

1. Norashikin Hamzah, SUHAKAM | shikin@suhakam.org.my | 03-2612 5687/ 019-621 5336
2. Yvonne Nathan, Greenpeace Malaysia | yvonne.nathan@greenpeace.org | 017-6628 306